




Gambar menunjukkan ilustrasi pahlawan Pahang, iaitu Tok Gajah, Dato' Bahaman dan Mat Kilau. Ketiga-tiga pahlawan ini telah bangkit menentang British yang mengancam kesejahteraan penduduk tempatan. British juga telah mencabar pelaksanaan adat tradisi dalam kalangan masyarakat tempatan yang terbina sejak dahulu lagi sebelum kedatangan British.



Gambar kiri menunjukkan Istana Seri Menanti yang suatu ketika dulu menjadi tempat bersemayam dan pusat pentadbiran pemerintah Negeri Sembilan. Gambar kanan pula ialah Dato' Siamang Gagap atau Pendekar Siamang Gagap, iaitu pahlawan Melayu yang menentang Inggeris di Negeri Sembilan. Nama sebenar beliau Kahar bin Haji Mukmin, lahir di Kampung Repah kemudian berpindah ke Seri Menanti. Beliau yang bertanggungjawab memimpin angkatan perang Seri Menanti menentang askar British dalam perang Bukit Putus pada 25 November 1875.